



NEGERI BRUNEI

E 10 TAHUN 1975

UNDANG2 LEMBAGA KEMAJUAN  
EKONOMI BRUNEI, 1975

Beta bersetuju



HASSANAL BOLKIAH  
*Sultan.*

*Satu Undang2 untok menubuhkan Lembaga  
Kemajuan Ekonomi Brunei.*

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang  
Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetu-  
juan Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut : —

[ 11-4-1975 ]

Gelaran  
pendek.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2  
Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, 1975.



## Tafsiran

2. Dalam Undang2 ini, melainkan kandongannya berkehendakan ma'ana yang lain:

“Pengerusi” berma'ana Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi dan termasuk Timbalan Pengerusi dan mana2 Pengerusi Sementara yang di-lantek di-bawah Bab 4;

“Pengarah” berma'ana pegawai yang di-lantek di-bawah Bab 7;

“Lembaga” berma'ana Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang di-tubuhkan di-bawah Bab 3;

“Ahli” atau “Ahli Lembaga” berma'ana mana2 Ahli Lembaga yang di-lantek di-bawah perenggan (d) cheraian (1) dari bab 4 dan termasuk Pengerusi, dan Timbalan Pengerusi dan ahli2 kerana jawatan.

Penubohan  
Lembaga.  
Kemajuan  
Ekonomi  
Brunei.

3. (1) Dengan ini ada-lah di-tubuhkan sa-buah badan, bernama “Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei”, bagi maksud2 Undang2 ini.

(2) Lembaga manakala di-tubuhkan akan menjadi sa-buah badan berkanun yang berkekalan yang mempunyai menterai 'am dengan mempunyai kuasa, terta'alok kepada syarat2 Undang2 ini, untok memperolehi serta membuat apa sahaja kepada harta benda, kedua2-nya yang boleh di-gerak dan tak boleh di-gerak, dan boleh menda'awa dan di-da'awa atas nama-nya sebagai badan berkanun dan melakukan perbuatan2 lain sebagaimana yang badan2 berkanun boleh melakukan-nya menurut2 Undang2.”

Pertubohan  
Lembaga

4. (1) Lembaga ini akan terdiri dari:

(a) Saorang Pengerusi, yang akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) tiga orang ahli rasmi kerana jawatan ia-itu orang2 yang pada masa itu memegang jawatan Pegawai Kewangan Negara, Pesuruhjaya Tanah dan Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi; dan



(c) tidak kurang dari tiga dan lebih dari lima orang ahli lain (selepas ini di-sebut sebagai "ahli2 yang di-lantek") yang akan di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari kalangan orang2 yang ternyata kepada Baginda berke- layakan kerana mempunyai pengalaman yang luas dan telah menunjukkan kebo- lehan2 dalam perkara2 yang berkaitan dengan urusan bank, perusahaan, perumahan, perdagangan, kewangan atau pertadbiran, atau sebak-nya sesuai untuk di-lantek kerana pengeta- huan dan pengalaman mereka yang istimewa.

(2) Terta'alok kepada syarat2 cheraian2 (3) dan (4) dari bab ini, Pengerusi itu akan memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh lantekan-nya.

(3) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Bagin- da Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan kemahuan Baginda membatalkan lantekan sa-sa- orang Pengerusi dengan tidak payah memberi apa2 sebab.

(4) Pengerusi boleh meletakkan jawatan-nya dengan memberi notis bertulis kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(5) Terta'alok kepada syarat2 Undang2 ini tiap2 ahli yang di-lantek akan memegang jawatan bagi satu tempoh selama dua tahun dari tarikh lantekan- nya melainkan lantekan-nya itu lebih awal di-ber- hentikan atau di-batalkan.

(6) Mana2 ahli yang di-lantek boleh di-lantek semula selepas tamat tempoh jawatan-nya.

(7) Mana2 ahli yang di-lantek boleh meletak- kan jawatan-nya dengan memberi notis bertulis yang di-tanda-tangani kepada Pengerusi.

(8) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantek mana2 ahli Lembaga menjadi Pengerusi sementara



Lembaga ini semasa Pengerusi Lembaga uzor buat sementara atau tidak berada buat sementara di-dalam Negeri.

(9) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila2 masa membatalkan lantekan mana2 ahli yang di-lantek jika Beginda berfikir mustahak unok berbuat demikian dengan tidak payah memberi apa2 sebab.

(10) Jika mana2 ahli yang di-lantek tidak berada buat sementara di-dalam Negeri atau tidak dapat menjalankan tugas sebagai ahli Lembaga kerana uzor atau sebarang sebab lain maka saorang yang lain boleh-lah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan unok mengganti-nya tetapi ia akan memegang jawatan itu hanya semasa ketiadaan atau keuzoran ahli tersebut.

Mashuarat2  
Lembaga.

5. (1) Lembaga ini hendak-lah bermashuarat sa-kurang2-nya sakali sa-tahun bagi maksud2 menimbangkan tambahan kapada mana2 pekerjaan lain yang mana notis yang sechukop-nya telah di-beri, anggaran belanjawan bagi tahun yang berikut-nya.

(2) Pengerusi boleh pada bila2 masa mengadakan mashuarat Lembaga ini dan hendak-lah, apabila menerima permintaan bertulis dari tidak kurang tiga orang ahli Lembaga ini, mengadakan mashuarat khas dalam tempoh sabulan dari tarikh permintaan itu.

(3) Minit2 bagi tiap2 mashuarat Lembaga ini hendak-lah di-simpan dan hendak-lah di-sahkan dan di-tandatangani oleh Pengerusi seberapa segera yang boleh salepas itu di-mashuarat yang berikut-nya.

(4) Lembaga ini boleh menjemput saorang atau lebeh unok menghadziri mana2 mashuarat tertentu Lembaga ini bagi maksud membantu atau menasihatkan Lembaga ini tetapi orang2 yang di-jemput itu tidak akan berhak unok mengundi.

Koram.

6. (1) Koram di-tiap2 mashuarat Lembaga ini ada-lah tiga orang ahli yang hadzir salain dari Pengerusi.



(2) Tiap2 ahli yang hadir di-mana2 mashuarat akan berhak untuk mengundi.

(3) Jika sekira-nya undi mengenai sesuatu perkara itu sama, maka Pengerusi akan mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi-nya yang asal.

**Pengarah.**

7. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan akan melantek seorang Pengarah bagi Lembaga Kemajuan Ekonomi, siapa akan menjalankan tugas2 yang sedemikian sebagaimana Lembaga itu mungkin mengamanahkan atau menyerahkan kepada-nya.

(2) Pengarah akan menjadi Ketua Kerja Lembaga ini.

(3) Pengarah hendak-lah hadir dan menyertai semua mashuarat Lembaga tetapi tidak akan berhak untuk mengundi.

(4) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh juga melantek lain2 pegawai yang di-fikirkan perlu bagi maksud2 Undang2 ini.

**Tugas2  
Lembaga ini.**

8. (1) Lembaga ini akan mempunyai tugas2 yang berikut :—

- (a) untuk memajukan atau mengusahakan sebarang kemajuan, perumahan, perusahaan, pertanian atau perdagangan di-kawasan2 dalam Negeri ini yang di-khaskan bagi maksud2 ini;
- (b) untuk memajukan atau mengusahakan apa2 jua jenis perniagaan dan perdagangan termasuk usaha2 pertanian, perusahaan, perumahan dan perusahaan2 perlombongan di-dalam Negeri ini sebagaimana yang Lembaga fikir sesuai;
- (c) untuk memajukan, manakala perlu sebarang sharikat atau sharikat2 bagi maksud2 yang di-sebutkan di-perenggan (b);
- (d) untuk menubuhkan sebuah bank atau yayasan kewangan; dan



- (e) untuk melakukan segala tindakan atau perkara lain yang di-fikirkan perlu bagi menjalankan kuasa2 atau melaksanakan semua atau mana2 tugas dan kewajipan Lembaga ini di-bawah Undang2 ini atau untuk melaksanakan tugas2 lain sebagai sebuah badan atau pihak berkuasa jika di-lantek sedemikian oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat menurut mana2 undang2 bertulis.

(2) Dengan tidak mengurangkan kuasa cheraian (1) Lembaga ini akan mempunyai tugas2 lain sebagaimana yang mungkin di-tentukan oleh atoran2 yang di-buat di-bawah bab 14.

**Kuasa Am  
Lembaga.**

9. Bagi maksud2 menunaikan mana2 tugas-nya di-bawah Bab 8 maka Lembaga boleh : —

- (a) membeli, menukar, memajakan dan memileki tanah, bangunan2 dan harta benda lain yang tidak bergerak;
- (b) membena rumah2, rumah2 pangsa, tempat2 tinggal, kedai2 dan rumah2 kedai, mengubah mana2 rumah, kedai atau rumah kedai menjadi rumah2 pangsa atau tempat2 tinggal;
- (c) membeli, menukar, memajakan dan memilekki tanah bagi maksud kemajuan dan menjual balek kepada orang ramai sebagai lot2 bangunan, atau tanah perusahaan dan bagi maksud2 mengadakan tempat2 lapang dan padang2 permainan;
- (d) membuat segala perkara lain yang mungkin perlu atau mustahak bagi maksud2 menguat-kuasakan syarat2 Undang2 ini;
- (e) membuat apa jua kerja di-atas tanah yang perlu bagi maksud2 kemajuan-nya, sebagai tanah bangunan atau perusahaan;
- (f) membeli, menukar, memajak dan memilekki tanah2 lombong, pertanian dan kayu kayan bagi maksud2 melombong,



kemajuan pertanian dan mebalak masing2-nya;

- (g) menjual tanah, bangunan atau harta-benda lain yang tidak bergerak;
- (h) memajakkan kepada orang2 lain menurut syarat2 dari mana2 undang2 yang berkuat-kuasa di-dalam Negeri berhubung dengan tanah atau urusan2 mengenai tanah, dari sa-bulan ka-sabulan atau dengan sechara lain, mana2 tanah atau bangunan atau harta-benda lain yang tidak bergerak dengan sewa dan terta'alok kepada syarat2 dan penentuan2 yang Lembaga memikirkan patut;
- (i) mengikat perjanjian2 dengan orang2 lain bahawa orang2 itu hendak-lah membena atau membuat apa jua kerja bagi pehak Lembaga;
- (j) mengikat perjanjian2 atau melakukan apa jua tindakan atau perkara lain yang perlu dan wajar bagi menguat-kuasakan maksud2 Undang2 ini;
- (k) untok menanggung pengeluaran stok2 sher2, bon2 atau debentur2 oleh badan2 perusahaan;
- (l) untok memberi jaminan menurut syarat2 dan penentuan2 yang mungkin di-persetujui, terhadap pinjaman2 yang di-perolehi oleh badan2 perusahaan yang di-jual di-pasaran awam;
- (m) untok memberi pinjaman atau pendahuluan2 kepada atau berlanggan kepada stok2, sher2, bon2 atau debentur2 dari badan2 perusahaan;
- (n) untok mengurus, mengawal atau mengawasi badan2 perusahaan dengan chara menamakan pengarah2 atau penasehat2 atau dengan sechara lain-nya berkerjasama dengan mereka;



- (o) untok menuboh, menjual saham<sup>2</sup>, menanam modal dan menguruskan badan<sup>2</sup> perusahaan;
- (p) untok memberi nasehat dan bantuan teknikal kapada badan<sup>2</sup> perusahaan dan menyediakan sa-kumpulan kaki-tangan kejuruteraan dan pengurusan untok memberikan bantuan sa-demikian;
- (q) untok menerima sebagai mempertimbangkan perkhidmatan<sup>2</sup> yang telah diberikan oleh-nya bayaran komishen sebagaimana yang mungkin di-persetujui;
- (r) untok bertindak selaku wakil<sup>2</sup> bagi mana<sup>2</sup> badan perusahaan.

**Kewangan  
Lembaga.**

10. Bagi maksud<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> ini maka akan di-adakan satu Peruntokan Wang yang akan dikenali sebagai Tabong Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei ka-dalam mana akan di-bayar:—

- (a) wang<sup>2</sup> yang mungkin dari semasa kesemasa di-bayar kapada Lembaga ini dari hasil<sup>2</sup> 'Am Negeri Brunei;
- (b) wang<sup>2</sup> yang mungkin dari semasa kesemasa di-perolehi oleh Lembaga ini dengan chara pinjaman;
- (c) segala sewa atau hasil<sup>2</sup> yang di-perolehi dari jualan keuntongan<sup>2</sup> dan pendapatan dan lain<sup>2</sup> wang yang di-perolehi oleh Lembaga dengan chara langsung atau tidak langsung dari harta<sup>2</sup> yang di-punyai oleh Lembaga;
- (d) semua wang lain yang mungkin dari semasa ke-semasa di-bayar kapada Lembaga.

**Penggunaan  
Wang Per-  
untokan.**

11. Wang Peruntokan itu boleh-lah di-gunakan bagi membayar perbelanjaan<sup>2</sup> yang berikut :—

- (a) perbelanjaan<sup>2</sup>, upah<sup>2</sup> atau gaji dan alaan<sup>2</sup> ahli<sup>2</sup>;
- (b) upah<sup>2</sup> atau gaji bagi wakil<sup>2</sup> dan kaki-tangan<sup>2</sup>, dan penasihat<sup>2</sup> teknikal atau lain<sup>2</sup> penasihat Lembaga ini;



- (c) segala harga, bayaran dan perbelanjaan2 bagi dan yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa2 Lembaga ini di-bawah Undang2 ini;
- (d) faedah dari mana2 pinjaman yang di-buat oleh Lembaga;
- (e) wang2 yang di-kehendaki bagi membayar balek wang2 yang di-pinjam;
- (f) wang2 yang mungkin di-fikirkan berpatutan untok di-ketepikan bagi kemerusutan harga harta benda Lembaga;
- (g) sebarang upah arkitek, pengurusan atau wakil yang lain;
- (h) sebarang bayaran yang di-benarkan oleh Lembaga kepada Kerajaan Brunei atau terhadap mana2 projek kemajuan tertentu yang di-laksanakan oleh Kerajaan Brunei; dan
- (i) Sebarang perbelanjaan lain yang di-benarkan oleh Lembaga.

**Penyata  
Tahunan.**

12. Lembaga hendak-lah, dengan sachepat mungkin salepas penghujung tiap2 tahun kewangan, menyebabkan supaya di-buat dan di-hadapkan kepada Sultan dalam Majlis Mashuarat satu penyata yang menyatakan pada 'am-nya semua kegiatan2 Lembaga dalam tempoh tahun kewangan yang terdahulu dan mengandongi maklumat berkenaan dengan perjalanan dan kegiatan2 Lembaga sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mashuarat mungkin mengarahkan.

**Kuasa untok  
menggaji  
wakil2.**

13. Lembaga ini boleh menggaji atau membayar wakil2 dan penasehat2 teknikal sama ada peguam-chara, banker, setok-broker, juru ukor, atau penaksir atau lain2 orang untok menjalankan sebarang perniagaan atau melakukan mana2 tindakan yang di-kehendaki di-jalankan atau di-lakukan dalam menjalankan tugas2 Lembaga atau bagi memperbaiki lagi chara menjalankan maksud2 Undang2 ini dan hendak-lah membayar segala tuntutan dan perbelanjaan yang terkena itu.



## Atoran2.

14. Lembaga boleh, dengan persetujuan Sultan dalam Majlis Mashuarat membuat atoran2 yang mungkin di-fikiran perlu atau mustahak bagi perjalanan urusan Lembaga yang sa-wajar-nya termasuk, dengan tidak menyentuh keluasan syarat2 yang di-sebutkan tadi, atoran2 berkenaan dengan mana2 atau dari perkara2 yang berikut:—

- (a) mengadakan mashuarat2 Lembaga dan peratoran yang akan di-ikuti di-mashuarat tersebut;
- (b) perlantekan atau penubohan jawatankuasa2 dari ahli2 Lembaga, dan memilih orang2 selain dari ahli2 Lembaga masuk dalam jawatankuasa2 tersebut;
- (c) menyediakan satu menterai 'am dan penyimpanan serta penggunaan-nya;
- (d) chara-nya yang suratan2, chek2 dan surat2 dengan apa jua rupa-nya yang akan di-tanda-tangani atau di-sempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (e) chara dan syarat2 pengeluaran dan penebusan bon2 dan debentur2 oleh Lembaga; dan
- (f) pada 'am-nya terhadap menjalankan kuasa2 Lembaga di-bawah syarat2 Undang2 ini.

Di-luluskan pada 6hb Januari, 1975

JUDIN ASAR,  
*Juru Tulis,*  
*Majlis2 Mashuarat,*  
*Brunei.*